

Headline	FRIM dapat anugerah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 May 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	627 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,425
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,275



FRIM dapat anugerah

SESUDAH 76 tahun berbakti kepada masyarakat, negara dan dunia akademik, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) langsung tidak menunjukkan sebarang tanda untuk berhenti malah ia terus mencipta satu demi satu kejayaan.

Terkini, pada April lepas, FRIM menerima satu lagi anugerah antarabangsa iaitu Anugerah Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi tahun Hijrah 1433H di Khartoum, Sudan bagi kategori Sains dan Teknologi.

Pengiktirafan itu diberi atas pencapaian institusi yang cemerlang dalam memberi sumbangan saintifik atau teknologi terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara anggota IDB.

FRIM adalah institusi kelima dari Malaysia yang pernah menerima Anugerah IDB sejak pengantungan pertama pada 2002, dan untuk tahun ini, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz turut menerima Anugerah IDB atas sumbangan cemerlang dalam Pembankan dan Kewangan Islam.

Apapun, anugerah itu hanyalah satu daripada puluhan pengiktirafan yang pernah diterima atas kecemerlangan dan pencapaian FRIM dalam menerajui sektor perhutanan secara am, bidang sains dan bioteknologi hutan, biodiversiti hutan serta alam sekitar.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod bersetuju bahawa usaha gigih para pegawai FRIM dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), kejayaan pengkomersilan, malah berkongsi hasil R&D dan teknologi kajian dengan orang ramai melalui penerbitan pelbagai artikel saintifik dan bukan saintifik adalah tulang belakang kejayaan FRIM kini.

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, FRIM telah menerbitkan 411 artikel penyelidikan dan 99 buah buku selain berjaya memastikan pengkomersilan 27 produk.

Bukan itu sahaja, usaha menjenamakan semula FRIM berjaya memantapkan lagi institusi itu sehingga ia dijulung dengan

77 anugerah kebangsaan dan 62 anugerah bertaraf antarabangsa dalam tempoh singkat lima tahun iaitu 2006 hingga 2011.

"Terkini, sebuah buku hasil penerbitan FRIM telah mendapat Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Teknikal Terbaik sempena Persidangan Buku Antarabangsa baru-baru ini," kata Dr Abd Latif nyata bangga dengan pencapaian itu.

Malah penganugerahan itu, katanya, memahat sejarah tersendiri memandangkan ini adalah kali kedua hasil tangan FRIM memenangi hadiah itu selepas anugerah yang sama diterima menerusi buku bertajuk 'FRIM Tapak Warisan Semulajadi Negara' dua tahun lepas.

"Kejayaan ini akan mendorong kami meneruskan misi tahun 2008 iaitu menghasilkan lebih banyak penerbitan menarik yang mudah dibaca untuk berkongsi pengetahuan, penemuan-penemuan saintifik serta maklumat lain dengan orang ramai," jelasnya.

Produk penerbitan terkini yang beliau banggakan itu ialah 'Wild Orchids of Peninsular Malaysia', hasil keringat empat penyelidik FRIM iaitu Ong Poh Teck, Peter O'Byrne, Wendy Yong dan Dr Saw Leng Guan.

Ia adalah sebuah buku meja kopi komprehensif yang padat dengan pelbagai gambar menarik ratusan spesies orkid liar negara yang diancam dengan kepupusan yang turut menyelitkan perincian ringkas tapi padat mengenai latar belakang dan kekayaan spesies orkid negara.

Penerbitan adalah sebahagian daripada projek dokumentasi "Flora of Peninsular Malaysia" yang dilakukan FRIM sejak tahun 2005.

"Buku itu membincangkan secara ringkas tapi padat, ancaman dan masa depan spesies orkid liar, isu-isu perundangan berkaitan serta peranan nurseri,

makmal dan penyelidikan FRIM terhadap kemandirian orkid liar," jelas Dr Abd Latif lagi.

Lebih menarik, buku ini memperkenalkan beberapa topik baru berkaitan orkid yang belum pernah muncul dalam buku lain.

"Ini termasuk bab pendebun-gaan yang dipenuhi dengan gambar berwarna yang jarang berjaya dirakam selain penemuan baru yang didapati dari beberapa spesies orkid terancam negara," jelasnya.

Di bawah tajuk kajian saintifik dan pemuliharaan pula, pembaca diperkenalkan dengan satu topik yang jarang diberi perhatian sewajarnya iaitu cabaran tugas yang perlu ditempuhi ahli-ahli botani.

"Secara ringkasnya, ia memberi pendedahan mengenai lebih 450 spesies orkid liar yang ditemui di Semenanjung Malaysia termasuk penemuan terbaru berkenaan kepelbagaian, habitat dan kelakuan seks selain penyelidikan saintifik dan pemuliharaan sama ada dalam atau di luar habitat sebenar," rumus Dr Abd Latif.

Saintis menganggarkan bahawa terdapat lebih 350,000 spesies tumbuhan berbunga di dunia, yang mana kira-kira 10 peratus daripadanya adalah tumbuhan orkid.

Kumpulan tumbuhan orkid atau Orchidaceae yang juga famili tumbuhan berbunga terbesar dan paling kaya dengan kepelbagaian, merangkumi sekurang-kurangnya 22,500 spesies unik yang telah ditemui dan dinamakan.

Orkid juga adalah tumbuhan yang paling berjaya di dunia memandangkan ia boleh ditemui di seluruh dunia, kecuali Antartika, meskipun ia paling sesuai di persekitaran tropika.

Meskipun taburan kumpulan tumbuhan ini begitu meluas, buku 'Wild Orchids of Peninsular Malaysia' mendedahkan bahawa Asia Tenggara adalah rantau paling kaya dengan spesies orkid di dunia dengan angka melebihi 10,000 spesies.

Malah, negara kita mempunyai peranan yang sangat penting dalam kemandirian flora ini memandangkan 905 spesies daripada 143 genera orkid liar telah ditemui bergantung hidup di Semenanjung Malaysia.

Meskipun ini dianggap saintis satu angka yang besar, angka sebenar mungkin lebih tinggi lagi memandangkan penulis buku itu menganggarkan kiraan spesies orkid liar Semenanjung mungkin setinggi 1,000 jenis ekoran semakin banyak spesies baru ditemui setiap hari menerusi penjelajahan saintifik dan kajian makmal.

Apapun setiap rakyat Malaysia nyata memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menjaga dan memelihara biodiversiti orkid liar negara yang sebenarnya mengharapkan belas kasihan rakyat Malaysia mempertahankan habitat semulajadi mereka bagi membolehkan mereka terus wujud.

Peranan manusia menjadi lebih kritikal memandangkan, saintis mendapati habitat orkid liar di Semenanjung Malaysia amat unik ekoran sekitar 20 peratus daripada spesies yang ditemui adalah spesies endemik iaitu tidak mungkin dapat ditemui tumbuh di lokasi lain.

Pendek kata, seperti yang tertera di dalam buku 'Wild Orchids of Peninsular Malaysia' itu, orkid liar negara adalah lambang flora kelahiran Asia Tenggara yang amat tulen.

Antara yang menarik dalam buku meja kopi itu ialah adaptasi orkid kepada habitat yang berbeza sesuai dengan kepelbagaian persekitaran yang terdapat di semenanjung bergantung kepada ketinggian, kelembapan, sama ada semulajadi atau terusik.

Sekiranya anda menjelajah hutan montane atau hutan lumut seperti Gunung Irau yang terletak di Tanah Tinggi Cameron, anda mungkin dapat menemui sejenis orkid kecil yang amat misteri.

Headline	FRIM dapat anugerah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 May 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	627 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,425
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,275

Beberapa spesies orkid yang dikumpulkan di bawah genus Corybas itu amat istimewa dan unik dengan negara kita memandangkan ia mempunyai kadar peratusan keendemikan yang tinggi.

Ia juga bersifat sangat lokal iaitu hanya berjaya tumbuh di kawasan berhampiran induk ekoran benih yang tidak dapat tersebar jauh selain sangat sensitif dengan perubahan persekitaran. Tumbuhan unik ini tumbuh dari akar tuber di lantai

hutan, dan hanya mempunyai sekuntum bunga yang terletak di atas sehelai daun.

Bunga kecil itu mempunyai 'misai' yang tegak ke atas, mempunyai rupa seakan-akan memakai tudung menyebabkan ia turut dikenali dengan nama biasa 'orkid berhelmet' (Helmet Orchid), daunnya berbentuk bujur hati dan tingginya hanya sekitar dua sentimeter.

Faktor lokaliti dan habitat yang sensitif menjadikan usaha pemuliharaan menjadi sukar

hingga menimbulkan kebimbangan saintis.

Malangnya, kumpulan orkid liar ini juga diancam dengan fenomena pemanasan global, yang kini telahpun menyebabkan gangguan corak awan dan hujan di kawasan tanah tinggi Malaysia.

Apapun, buku meja kopi yang memenangi anugerah itu adalah lambang usaha gigih dan kerjasama keempat-empat penulis dan pasukan penyelidik FRIM.

Pengedaran buku istimewa itu asalnya amat terhad, bagaimanapun ia menerima permintaan di luar jangkauan hingga perlu diulang cetak dalam masa terdekat selepas lewatnya Jun ini.

Pencinta ilmu, buku dan alam boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada Ketua Unit Penerbitan FRIM, Norhara Hussein di talian 03-62797482 atau emel kepada Norhara@frim.gov.my.— Bernama



Salah satu daripada 905 spesies daripada 143 genera orkid liar telah ditemui bergantung hidup di Semenanjung Malaysia iaitu orkid liar tempatan dari genus Corybas Ridleyanus. Selain saiznya yang kecil, orkid unik ini hanya mempunyai sekuntum bunga yang terletak di atas sehelai daun dan tumbuh dari akar tuber di lantai hutan. Bunga kecil itu seakan-akan memakai tudung jadi ia turut dikenali dengan nama biasa 'orkid berhelmet' (Helmet Orchid), mempunyai 'misai' yang tegak ke atas, daunnya berbentuk bujur hati dan tingginya hanya sekitar dua sen-